

20/01/1998

Usaha sama sedia pendingin hawa di KKIP

TAMAN Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) dan KKIP Power Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Gas District Cooling Sdn Bhd bagi menyediakan sistem pendingin hawa ke kawasan perindustrian itu yang terletak di Telipok, dekat Kota Kinabalu.

Memorandum itu ditandatangani Pengarah KKIP, Mohd Noor Mokhtar; Pengarah Urusan KKIP Power, Dr Frederick Chong; dan Ketua Pegawai Operasi Gas District, Nordin Mohd Noor, semalam.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Tham Nyip Shen, menyaksikan majlis menandatangani MoU itu.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Tham berkata industri tempatan perlu mengeluarkan produk bermutu tinggi dengan kos pembuatan yang lebih murah bagi memastikan pasaran yang lebih baik.

Sehubungan itu, beliau menggesa industri kecil dan sederhana (IKS) supaya mengambil peluang meningkatkan keluaran dengan adanya tabung yang disediakan kerajaan ketika ini.

Mohd Noor dalam ucapannya pula berkata, seluas 200 hektar kawasan perindustrian di KKIP sudah dibangunkan sejak ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November 1995.

Di kawasan itu juga, zon perindustrian berasaskan barangan eksport sudah siap dibina, manakala zon kedua sudahpun 98 peratus siap.

Beliau berkata, empat kilang sudahpun memulakan operasi mereka sejak tahun lalu sementara 20 lagi dalam proses pembinaan.

Dalam kawasan KKIP juga, katanya, 273 daripada 900 lot rumah sudahpun siap dibina dan diserahkan kepada pemiliknya manakala 128 lagi masih dalam proses pembinaan.

"Dengan termeterainya perjanjian itu, KKIP akan dilengkapi dengan sistem penghawa dingin termoden sesuai dengan keperluan perindustrian masa kini," katanya.

Nordin dalam ucapannya berkata, syarikatnya yang juga anak syarikat Petronas akan mengambil masa enam bulan untuk menjalankan kajian terperinci mengenai projek itu.

Sebelum ini, katanya, syarikat itu menyediakan bekalan pendingin hawa di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

(END)